

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)57

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB WONG YUEE HARNG**

57. Pulau Pinang kekal sebagai peneraju sektor elektrik dan elektronik (E&E) negara dan semikonduktor global. Dalam menghadapi persaingan rantau dan perubahan pasaran, apakah strategi jangka panjang Kerajaan Negeri untuk terus menarik pelaburan berkualiti tinggi khususnya melalui ekosistem, bakat, infrastruktur dan kelestarian industri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

57. Berikut adalah strategi jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai peneraju utama sektor Elektrik & Elektronik (E&E) Negara dan semikonduktor global:
- (a) Fokus dan hala tuju penarikan pelaburan baharu ke dalam negeri ditumpukan kepada projek-projek strategik yang membawa nilai tambah (value-add) tinggi sama ada dalam perkembangan teknologi terkini, kemahiran tenaga kerja tempatan atau perkembangan ekosistem. Nilai tawaran (value proposition) industri Pulau Pinang cenderung terhadap projek-

projek intensif ilmu (knowledge intensive), penyelidikan dan pembangunan (R&D), *Integrated Circuit (IC) design*, *advanced packaging*, *Artificial Intelligence (AI)* dan sebagainya. Sektor-sektor perindustrian dan pelaburan yang menjadi sasaran utama adalah seperti elektrik dan elektronik, semikonduktor, jentera dan peralatan, teknologi perubatan dan sebagainya. Projek-projek yang memerlukan tenaga kerja tidak mahir yang ramai tidak lagi sesuai untuk dilaksanakan di Pulau Pinang;

- (b) Penglibatan Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Strategi Semikonduktor Nasional (**National Semiconductor Strategy**) dengan membentuk kerjasama dan sinergi bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Talent Corp. Lawatan dan mesyuarat bersama pihak pentadbiran tertinggi agensi-agensi ini biasanya diadakan daripada semasa ke semasa bagi meningkatkan usaha sama promosi pelaburan dan pembangunan sumber manusia untuk Negeri Pulau Pinang. Usaha-usaha seperti ini dijalankan secara konsisten terutama apabila negara

- berhadapan dengan isu-isu global yang boleh mengancam kemasukan pelabur asing seperti perang perdagangan di antara negara Amerika Syarikat dan China serta perang tarif yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat baru-baru ini;
- (c) Dari segi infrastruktur, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah berusaha untuk mempercepatkan pembangunan taman-taman perindustrian baharu yang lengkap dengan infrastruktur bertaraf antarabangsa seperti Taman Teknologi Bandar Cassia (*Bandar Cassia Technology Park*) seluas 303 ekar, Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP3) seluas 407 ekar dan *Penang Science Park South* (PSPS) seluas 117 ekar. Ketiga-tiga taman perindustrian yang baharu ini mempunyai jumlah tanah berkeluasan 827 ekar yang mana mencukupi untuk menampung permintaan tanah perindustrian yang tinggi oleh pelabur asing dan tempatan. Selain itu, projek-projek pembangunan utama infrastruktur awam seperti projek Menara Penghantaran Monopole Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersebelahan Jambatan Pulau Pinang dan pembangunan semula Stesen Janakuasa Gelugor bagi mengukuhkan bekalan elektrik, Pelan Kontigensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) bagi

memastikan keselamatan bekalan air , projek LRT Laluan Mutiara, projek naik taraf dan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Projek Pulau Silikon dapat meningkatkan keyakinan pelabur untuk melabur di Negeri Pulau Pinang;

- (d) Pembangunan ekosistem dan penyumberan tempatan rangkaian bekalan juga diberikan perhatian khusus semasa menarik pelabur asing ke dalam Negeri Pulau Pinang. Agensi-agensi Kerajaan Negeri khususnya InvestPenang telah mengambil beberapa inisiatif penting dalam mewujudkan platform kerjasama seperti penganjuran Hari Pembekal, Hari Padanan Perniagaan, *Venture Capital Forum*, program-program pembangunan industri bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan (MOH) dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk melengkapkan ekosistem pembuatan dan memupuk kerjasama di antara pelabur asing dengan syarikat tempatan. Pelabur-pelabur asing digalakkan untuk menyumber bahan mentah atau proses pembuatan mereka dari pasaran tempatan dan membantu pembangunan syarikat tempatan secara langsung;

- (e) Syarikat-syarikat di Pulau Pinang digalakkan untuk menerapkan model perniagaan kelestarian atau kemampanan dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar sentiasa terpelihara. Kini, semakin banyak syarikat pengilangan yang memberikan komitmen untuk mengamalkan *Environment, Social and Governance* (ESG) dalam sistem tadbir urus dan operasi pengilangan mereka di Pulau Pinang seperti program kitar semula, penggunaan panel solar dan *rain water harvesting system*. Semakin banyak pemain industri di Pulau Pinang telah memperoleh atau sedang berusaha untuk memperoleh akreditasi antarabangsa seperti *Leadership in Energy and Environmental Design* (LEED), *Responsible Business Alliance* (RBA) dan *Green Building Index* (GBI) dan sebagainya;
- (f) Kerajaan Negeri telah menerbitkan ***Penang STEM Talent Blueprint*** yang dilancarkan pada 8 September 2024 oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan diserahkan kepada Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI). Penyerahan ini dibuat bagi meletakkan *Penang STEM Talent Blueprint* sebagai sebahagian daripada *National Semiconductor Strategy*. Antara fokus *Penang STEM Talent*

Blueprint adalah menarik dan mengekalkan bakat untuk pelaburan berbilion dolar dalam E&E, menangani kebimbangan pengeluar dan pelabur mengenai ketersediaan bakat dan kesediaan kemahiran dan merangka rangka kerja serta mengenal pasti sumber untuk memenuhi keperluan bakat STEM khusus di Pulau Pinang. Sasaran-sasaran utama yang telah ditetapkan di dalam *Penang STEM Talent Blueprint* untuk dicapai pada tahun 2030 adalah seperti menggandakan enrolmen pelajar dalam aliran sains, sains tulen dan teknologi di peringkat menengah atas bagi sekolah-sekolah awam, menggandakan output graduan bagi kursus/program STEM, menggandakan output graduan TVET bagi kursus/program berkaitan STEM dan menggandakan bilangan pekerjaan bernilai tinggi. Sasaran-sasaran ini adalah tertakluk kepada agensi-agensinya pelaksana yang terlibat seperti Penang STEM, PSDC, InvestPenang dan sebagainya;

- (g) Terdapat beberapa program yang telah dibuat sebagai strategi jangka panjang Kerajaan Negeri untuk terus menarik tenaga kerja mahir mencukupi untuk sektor elektrik dan elektronik (E&E) melalui **Penang CAT Centre** (di bawah pengurusan InvestPenang). Keutamaan ditumpukan kepada bakat-bakat

mahir di dalam bidang STEM dan TVET yang diakui sebagai bakat yang kritikal bagi memenuhi sebahagian besar daripada permintaan bakat-bakat berkemahiran tinggi untuk industri di negeri ini; dan

- (h) Bagi industri perkhidmatan dan ekonomi digital, InvestPenang telah bekerjasama dengan MDEC, *Penang Skills Development Centre* (PSDC) dan Kumpulan Fokus GBS Pulau Pinang dengan menubuhkan ***Penang GBS Industry Academy (PGIA)*** pada tahun 2022. Akademi ini menawarkan peluang untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula individu dengan kemahiran yang diperlukan kini khususnya dalam bidang seperti sains data, pembangunan perisian, keselamatan siber dan sebagainya. Ini secara tidak langsung dapat membantu kerajaan negeri melahirkan lebih ramai bakat baharu dan mengekalkan mereka untuk masa hadapan serta meningkatkan tahap kebolehpasaran individu di negeri ini.